

Bomba tubuhkan **Skuad Pondok**

Semua pusat tahfiz daerah Bera diminta tampil, daftar dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat Triang

BERA - Jabatan Bomba dan Penyelamat Triang akan menubuhkan Pasukan Keselamatan Kebakaran Pondok atau dikenali Skuad Pondok bagi membantu mengawal kebakaran di peringkat awal.

Ketua Operasi, Pegawai Bomba Kanan 1, Khairudin Othman berkata, Skuad Pondok yang terdiri daripada pelajar tahfiz ini akan diberikan pendedahan mengenai keselamatan kebakaran termasuk latihan praktikal untuk mengawal kebakaran pada peringkat awal.

"Penubuhan Skuad Pondok ini akan dilaksanakan dalam masa terdekat. Saya berharap, semua pusat tahfiz yang ada di daerah ini dapat tampil dan berdaftar dengan kami untuk tindakan susulan.

"Kita memerlukan

INFO

● Skuad Pondok terdiri daripada pelajar tahfiz dan akan diberi pendedahan mengenai keselamatan kebakaran termasuk latihan praktikal untuk mengawal kebakaran pada peringkat awal

pasukan ini untuk membantu mengurangkan risiko semasa berlakunya kebakaran. Mereka boleh mengarahkan pelajar tahfiz ke- keluarga bangunan sekiranya berlaku musibah, malah berupaya mengawal kebakaran bagi mengelak api merebak," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Program Hari Keselamatan membabitkan 100 pelajar dari empat buah



Pelajar tahfiz melihat demonstrasi pemadaman api dilakukan anggota bomba pada program itu.

tahfiz di seluruh daerah ini.

Hadir sama, Pengerusi Persatuan Institusi Tahfiz Al-Quran (Pinta) Pahang, Datuk Abdul Hamid Busu.

Khairudin berkata, bagi memastikan hasrat ini dapat direalisasikan, pihaknya mengharapkan kerjasama

daripada semua tahfiz untuk bersama-sama menjayakan.

Katanya, kesedaran ini perlu dipertingkatkan dari semasa ke semasa, dan seharusnya tragedi meragut nyawa anak-anak di Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah Kuala Lumpur dapat menjadi

kan teladan agar ia tidak berlaku di lokasi yang lain.

"Pemantauan berkala akan tetap dijalankan. Malah, kalau mereka mahu mendirikan rumah di tahfiz masing-masing, kita boleh bagi nasihat supaya ia mengikut pelan keselamatan. Jadi, melalui

taklimat yang kami sampaikan ini, juga diharap dapat dimanfaatkan dengan baik oleh peserta dan disampaikan kepada pelajar tahfiz yang lain," katanya.

Sementara itu, Mudir Madrasah Al-Ridha, Mohd Noor Isa berkata, pihaknya sedia memberikan kerjasama dengan pihak bomba berkaitan penubuhan Skuad Pondok.

Katanya, pihaknya mengalu-alukan cadangan pihak bomba itu dan sedia bekerjasama sebagai langkah keselamatan pelajar tahfiz.

"Alhamdulillah, selepas tragedi di Pusat Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah Kuala Lumpur, semua pusat tahfiz di negara ini turut dapat perhatian pihak tertentu termasuk jabatan dan agensi kerajaan," katanya.